

# BAB 1

## PENGENALAN

### 1.1 Pengenalan

Rakyat Malaysia terdiri daripada berbilang bangsa, agama dan budaya. Mereka menggunakan bahasa atau dialek mereka sendiri dalam aktiviti perhubungan seharian. Malah, setiap negeri di negara ini terutamanya Kelantan, Terengganu, Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Negeri Sembilan mempunyai identiti bahasa atau dialek yang agak ketara.

Di Johor, selain bahasa Melayu terdapat juga bahasa lain yang digunakan seperti bahasa Jawa, Banjar dan Bugis. Menurut penerbitan rasmi Kerajaan Malaysia untuk Peperiksaan Am, *Malaysia Kita* (2002), Perak dan Selangor juga merupakan dua buah negeri yang memiliki jumlah penutur bahasa Jawa yang ramai yang dibawa oleh penutur aslinya sewaktu melakukan transmigrasi ke sekitar kawasan perairan di Kepulauan Melayu sejak awal tahun 1900, akibat proses transmigrasi besar-besaran yang berlaku pada sekitar tahun 1850-an lagi. Orang Jawa ini bukan sahaja menetap di suatu tempat tertentu, tetapi ramai yang bermastautin di sepanjang pantai barat Tanah Melayu yang banyak terdapat ladang getah dan ladang kelapa terutamanya di Klang, Selangor, Hilir Perak dan Seberang Prai, Pulau Pinang.

Noriah Mohamed (2001) menyatakan bahawa kini kebanyakan keturunan Jawa di Malaysia sudah bukan lagi orang Jawa, tetapi adalah orang Melayu yang punya hak dan kedudukan sebagaimana yang termeterai di dalam perlembagaan, walaupun mereka masih mengekalkan tradisi kejawaan masing-masing. Hal ini dapat dilihat berdasarkan kehidupan seharian

mereka seperti penggunaan bahasa pertuturan, makanan dan permainan tradisi. Penggunaan bahasa Jawa masih menjadi keutamaan dalam pertuturan seharian mereka. Makanan seperti tempe dan *lodeh* serta *botok-botok* juga tetap digemari. Manakala permainan tradisi yang masih wujud hingga kini antaranya ialah seperti kuda kepang, gamelan dan wayang kulit.

Menurut Maryano Dwiraharjo (2001), bahasa Jawa merupakan satu daripada bahasa yang mengenal adanya tingkat tutur. Adanya tingkat tutur tersebut menyebabkan bahasa Jawa menarik untuk dikaji. Menurut Maryano, tingkat tutur dalam bahasa Jawa ini menggambarkan adat atau budaya sopan-santun yang dipraktikkan oleh penuturnya, selain mencerminkan perilaku kebahasaan yang sebenar masyarakatnya. Satu daripada tingkat dalam bahasa Jawa adalah bentuk *krama*. Bentuk *krama* merupakan wujud kebahasaan dalam bahasa Jawa yang mencerminkan rasa hormat antara penutur dengan mitra tutur yang ditandai oleh penanda lingual dan ditentukan oleh faktor nonlingual. Faktor-faktor ini saling berkait dan saling menentukan.

Bagaimanapun, dewasa ini penggunaan bahasa Jawa bentuk ngoko (ng) sudah menjadi kebiasaan dalam kalangan penuturnya (Noriah Mohamed, 2001). Penggunaan yang dimaksudkan di sini ialah adanya situasi di mana bahasa Jawa itu digunakan hanya oleh orang tertentu, dalam situasi berbahasa tertentu dan dengan penggunaan variasi bahasa tertentu mengikut latar belakang sosial penuturnya. Justeru, fokus kajian ini ialah tentang penggunaan bahasa Jawa di dua buah perkampungan di daerah Batu Pahat, Johor.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Buku *Malaysia Kita* (2002) mencatatkan bahawa di Malaysia, bahasa Jawa mula bertapak di pesisir pantai barat Negeri Johor, iaitu di Daerah Pontian, Batu Pahat dan Muar pada sekitar tahun 1850-an semasa proses penghijrahan yang pesat berlaku oleh penutur bahasa Jawa. Sebilangan besar daripada mereka berasal dari Wilayah Jawa Timur dan Jawa Tengah dan sebilangannya pula berasal dari Tanjung Batu, Tanjung Pinang dan di sepanjang pesisir pantai Pulau Sumatera sehingga Palembang. Selain pesisir pantai Johor, kawasan lain tempat mereka berlabuh ialah di pesisir pantai Selangor dan Perak.

Noriah Mohamed (2001) dalam kajiannya menjelaskan bahawa kebanyakan penduduk di Kampung Batu Satu Sapintas yang terletak di Mukim Sabak Bernam di Utara Negeri Selangor adalah terdiri daripada masyarakat keturunan Jawa. Mereka berasal dari daerah Kebumen, iaitu sebuah daerah di bahagian barat dalam propinsi Jawa Tengah. Berdasarkan sumber sejarah, kebanyakan anggota masyarakat keturunan Jawa berasal daripada leluhur mereka yang berpindah atau *boyong* ke daerah ini dalam tahun 1920-an. Kedatangan mereka dapat dilihat daripada data perpindahan mereka ke Tanah Melayu secara keseluruhan, iaitu pada sekitar tahun 1911 hingga 1920. Perpindahan ini melibatkan sejumlah 26, 247 orang, manakala pada sekitar tahun 1921 hingga 1930 jumlahnya adalah seramai 27, 474 orang (Tunku Shamsul Bahrin dalam Noriah Mohamed, 2001). Hal ini disokong oleh Asmah Haji Omar (1978) yang menyatakan bahawa proses transmigrasi telah berlaku secara besar-besaran dalam kalangan penutur bahasa Jawa.

Sejak penghijrahan tersebut, penutur-penutur bahasa Jawa berkenaan tinggal dan seterusnya menetap di kawasan-kawasan pendaratan mereka, terutama di pesisir pantai Negeri Johor, Selangor dan Perak. Perairan Selat Melaka di sepanjang pesisir pantai di ketiga-tiga negeri ini, yang agak sempit dan ini menggalakkan lagi bilangan pendatang dari wilayah Indonesia sampai ke kawasan berkenaan. Amriah Buang (2006) menjelaskan bahawa Selat Melaka yang berbentuk seperti kelalang sendeng adalah lebar di bahagian utara barat laut dan genting di bahagian selatan tenggara dan ini memperlihatkan bahagian ke selatan dari Bandar Melaka adalah sempit, berukuran kurang daripada 39 km lebar. Kerja mengukur yang dibuat dari tahun 1969 hingga 1974 oleh Majlis Selat Melaka Jepun telah dapat mengenal pasti sebanyak 89 kawasan yang kedalaman airnya kurang daripada 23 meter. Kawasan yang amat genting menganjur dari Tebing Satu Fatom dekat Pelabuhan Kelang hingga ke Terusan Philip. Sementara kawasan berhampiran Pulau Aruah, Indonesia, kedalaman airnya hanya 18 hingga 19 meter. Arah ke Pelabuhan Kelang pula terdapat gugusan beting Angsa, North Sands, Tebing Satu Fatom dan Smith Sands yang kedalaman airnya cuma 10 meter. Perjalanan para pendatang Jawa ini bahkan lebih mudah lagi apabila laluan sempit di pinggir selatan tenggara Selat Melaka, iaitu jarak antara Pulau Kukup (Malaysia) dengan Pulau Karimun Kecil (Indonesia) cuma 13.4 km dan keluasan perairan yang boleh dilayari cuma 12.6 km.

Di Johor, sebilangan pendatang Jawa tersebut sampai dan membuka penempatan di kawasan kajian yang secara kebetulan lokasinya berdekatan dengan pantai seperti pantai Minyak Beku, pantai Parit Botak, pantai Senggarang dan pantai Rengit yang kesemuanya berada dalam Daerah Batu Pahat. Sebilangan besar daripada mereka (dinyatakan dalam Bab 3,

Jadual 3.1 halaman 61) yang membuka kampung kajian berasal dari wilayah Ponorogo dan sebilangan kecil pula berasal dari Magelan dan Kendal. Dengan sebab itu, berdasarkan penelitian ke atas kesemua dapatan menunjukkan bahawa terdapat sedikit perbezaan dari segi sebutan, iaitu antara sebutan di kawasan kajian dengan sebutan di Yokyakarta Solo, tempat terbentuknya bahasa Jawa baku (Wedhawati et al., 2006).

Contoh:

- (i) *nedhi* atau *tedhi* (sebutan di kawasan kajian untuk maksud [makan] ),  
*nedha* bagi sebutan di Yokyakarta Solo, juga bermaksud [makan]

Berdasarkan kajian dan merujuk kepada beberapa buah kamus bahasa Jawa seperti ***Kamus Bausastra Jawa-Indonesia*** Jilid I, 1980, ***Kamus Lengkap Bahasa Jawa: Jawa-Jawa, Jawa-Indonesia, Indonesia-Jawa***, 2002, ***Kamus Lengkap Bahasa Jawa: Jawa-Indonesia, Indonesia-Jawa***, 2008 dan ***Kamus Unggah-unggah Basa Jawa***, 2001, baik *nedhi*, *tedhi* mahupun *nedha*, ketiga-tiganya berada pada tatatingkat bahasa Jawa yang sama, iaitu bentuk *krama* (k). Dalam hal ini, 100% informan di kawasan kajian cenderung menggunakan perkataan *nedhi* atau *tedhi* dan menggunakan *dhahar* untuk tujuan lebih halus dan lebih bertatakrama. *Dhahar* yang juga bermaksud [makan] terletak pada tatatingkat bahasa Jawa bentuk *krama inggil* (ki), iaitu tatatingkat yang paling tinggi. Namun, bagi mereka yang kurang gemar atau tidak mahir berbahasa Jawa bentuk *krama* (k), maka mereka akan menggunakan perkataan bahasa Jawa bentuk *ngoko* (ng), iaitu *mangan* atau *madhang*. Bahasa Jawa bentuk *ngoko* (ng) juga dikenali sebagai bahasa Jawa basahan atau bahasa Jawa kasar. Bagaimanapun, *madhang* adalah perbuatan makan khusus untuk makan nasi sahaja (***Kamus Lengkap Bahasa Jawa: Jawa-Jawa, Jawa-Indonesia, Indonesia-Jawa***,

2002, *Kamus Lengkap Bahasa Jawa: Jawa-Indonesia, Indonesia-Jawa*, 2008 dan *Bausastra Jawa-Indonesia* Jilid I, 1980).

Di samping itu, terdapat perkataan lain yang dituturkan di kawasan kajian, yang juga membawa maksud [makan], iaitu *pangan*. Perkataan ini juga berada pada tatatingkat bahasa Jawa bentuk ngoko (ng). Perbezaan yang dapat dilihat di sini ialah berlakunya pengguguran konsonan [m] daripada perkataan *mangan* dan diganti dengan konsonan [p] menjadi *pangan*. Bagaimanapun, *pangan* biasanya dituturkan oleh generasi satu (GI) dan generasi dua (GII) sahaja. Dalam kajian ini, GI terdiri daripada informan berpangkat datuk dan nenek, lingkungan usia 61 tahun ke atas, GII adalah informan yang berpangkat ibu dan bapa serta bapa dan emak saudara, lingkungan usia 46 hingga 60 tahun.

Menurut seorang daripada informan, perkataan [makan] juga mempunyai lingkungan atau medan makna yang tersendiri, namun penggunaannya dianggap lebih kasar berbanding bahasa Jawa ngoko (ng). Perkataan-perkataan tersebut ialah seperti *mbadok*, *nguntal* dan *nyekèk*. Biasanya perkataan-perkataan ini akan dituturkan apabila seseorang itu marah atau sakit hati terhadap ahli keluarga atau rakannya yang malas bekerja tetapi tabiatnya yang suka atau asyik makan.

Bahasa Jawa baku atau disebut juga bahasa Jawa dialek *standard* mencakupi Daerah Jogya dan Solo. Oleh kerana itu, ia sering disebut dialek Yogya-Solo. Dialek *standard* ini dengan berbagai perubahan isolek, juga digunakan di daerah sekitar Yogyakarta seperti Purworejo, Magelan, Temengging dan di beberapa kabupaten di sekitar Surakarta (Wedhawati, 2006).

Dalam konteks ini, *Kamus Dewan* (1986) mencatatkan bahawa perkataan *kabupaten* yang berasal daripada bahasa Indonesia (Id) adalah sebagai 1. daerah yang dikepalai oleh seorang bupati, 2. Pejabat (rumah) bupati. Manakala istilah *bupati* yang juga berasal daripada bahasa Indonesia (Id) dicatatkan sebagai 1. kepala daerah (bahagian dari provinsi), 2. pegawai istana yang tinggi (di Djokdjakarta dan Surakarta).

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Di Malaysia, penggunaan bahasa Jawa diturunkan dari satu generasi kepada satu generasi secara tidak formal atau lebih tepat lagi bahasa Jawa diturunkan melalui lisan yang semata-mata digunakan untuk tujuan berkomunikasi.

Oleh kerana kemahiran menuturkannya tidak dipelajari secara formal, apatah lagi dengan adanya pelbagai punca yang menyebabkan terjadinya fenomena penggunaannya seperti fenomena pergeseran dan kemerosotan penggunaannya serta percampuran dan peralihan kod, maka adalah perlu kajian dilakukan ke atasnya. Menurut Asmah Haji Omar,

“Dalam proses menghasilkan keturunan dari zaman ke zaman, manusia juga turut ikut menurunkan bahasanya, yakni melalui keturunannya itu. Penurunan bahasa dari generasi ke generasi tidak mungkin tidak mengalami perubahan, baik pada bunyinya, atau pada bentuk dan makna kata-kata tertentu, ataupun pada susunan ayat.”

(Asmah Haji Omar, 1993:3)

Dengan sebab itu, fokus utama kajian ini ialah meninjau penggunaan bahasa Jawa dan mengenal pasti variasi serta perkara-perkara yang berkaitan dengan fenomena penggunaan

bahasa Jawa yang digunakan di dua buah kampung, iaitu Kampung Parit Baru dan Kampung Parit Lapis Baru, dalam Daerah Batu Pahat di Johor sebagai kampung kajian.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Objektif utama kajian ini ialah untuk:

- 1 meninjau penggunaan bahasa Jawa di kawasan kajian.
- 2 mengenal pasti variasi bahasa yang digunakan oleh masyarakat di kawasan kajian daripada aspek ayat, frasa dan perbendaharaan kata.
- 3 mengenal pasti fenomena yang berlaku di kawasan kajian.

#### **1.5 Soalan Kajian**

Meskipun bahasa Jawa memiliki ciri-ciri krama yang amat mementingkan kesopanan dan nilai keperibadian yang tinggi, namun beberapa persoalan timbul yang bakal menjadi fokus utama kajian ini. Antaranya ialah:

- 1 Apakah bentuk bahasa Jawa yang digunakan di kawasan kajian?
- 2 Apakah variasi bahasa Jawa yang digunakan dalam adat memohon maaf dan dalam bahasa kiasan?
- 3 Apakah pilihan laras bahasa Jawa yang digunakan oleh setiap peringkat generasi?
- 4 Adakah terdapat fenomena peralihan bahasa atau percampuran kod di kawasan kajian?



## **1.6 Kepentingan Kajian**

Kajian ini dibuat atas kesedaran pentingnya memelihara bahasa komuniti kita sebagai warisan bangsa yang dituturkan sejak turun-temurun, di samping mengenal pasti khazanah linguistik yang dikatakan memiliki ciri-ciri kesopanan, nilai murni dan unsur pragmatik. Kajian ini juga dibuat dengan harapan agar dapat mengenal pasti ciri-ciri budaya atau adat yang wujud sama ada yang masih diamalkan atau yang telah dipinggirkan. Tambahan pula, kajian berkenaan penggunaan bahasa Jawa di Malaysia hingga kini masih belum mendapat tempat yang meluas dalam kalangan para penyelidik bahasa, berbanding di negara asal bahasa ini, iaitu Indonesia. Penyelidik-penyelidik asing juga nampaknya hanya bertumpu di Indonesia, khususnya di Pulau Jawa bagi menjayakan penyelidikan mereka. Justeru, fokus kajian ini adalah berkenaan aspek penggunaan dan variasi bahasa Jawa di kawasan kajian yang terletak di dalam Daerah Batu Pahat, di Negeri Johor dengan memberi tumpuan kepada penggunaan bentuk-bentuk bahasa Jawa dan variasinya seperti bentuk krama inggil (ki), krama (k), krama-ngoko (k, ng) dan ngoko (ng). Oleh itu, hasil kajian ini diharapkan dapat dijadikan sumber rujukan bagi para pelajar bidang bahasa dan linguistik.

## **1.7 Skop Kajian**

Kajian ini meliputi dua buah kampung, iaitu Kampung Parit Baru dan Kampung Parit Lapis Baru yang terletak saling bersebelahan antara satu sama lain. Justeru, kesemua informan terdiri daripada penduduk dari kedua-dua kampung berkenaan. Analisis dapatan dan perbincangan pula adalah berdasarkan data terkumpul daripada setiap generasi yang dibentuk. Dapatan yang diperolehi meliputi perkara-perkara berikut:

- 1 ungkapan memohon maaf atau *badhan*
- 2 bahasa kiasan, doa dan ungkapan lafaz niat
- 3 ayat atau ujaran
- 4 perbendaharaan kata

### **1.8 Batasan Kajian**

- 1 Informan terhad kepada penutur bahasa Jawa di kedua-dua kampung kajian sahaja.
- 2 Hanya keluarga yang mempunyai sekurang-kurangnya tiga generasi akan dijadikan informan.
- 3 Hanya individu yang telah bermastautin sekurang-kurangnya 60 tahun ke atas di kampung kajian akan dipilih sebagai informan bagi generasi satu (GI).

Kriteria 1.8.3 dipilih adalah berdasarkan takrifan Holmes (1993) tentang generasi satu (GI) yang menyatakannya sebagai “... *the first generation as those who were born overseas and who then moved to the host country.*” Menurut Holmes (1993), GI adalah kumpulan yang dilahirkan di negara asal dan kemudian berhijrah ke negara baru. Di Malaysia, jika seseorang itu berada dalam kumpulan generasi kedua (GII), ini bererti ibu bapanya dilahirkan di Malaysia atau merupakan golongan pendatang tetapi telah diberi taraf warga negara Malaysia. Berdasarkan kajian ke atas komuniti Malayalee di Malaysia, Nambiar (2007) menjelaskan bahawa “...*a 70 years old Malayalee could either be a first generation of Malaysian if he had migrated from India or he could belong to the second generation if his parents had been the migrants.*”

## **1.9 Kesimpulan**

Pengenalan dan sasaran kajian ini dipermudahkan penjelasannya dengan pewujudan bab ini yang secara keseluruhan menyenaraikan perkara-perkara penting dan perlu ada dalam sesuatu kajian. Penerangan setiap subtopik, bermula dengan pengenalan, diikuti dengan penerangan tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian, skop kajian dan batasan kajian, dapat memberi gambaran awal tentang kajian ini.